

**KAEDAH PENGAJARAN ENSEMBEL REKODER SEKOLAH  
RENDAH DAERAH SETAPAK, KUALA LUMPUR:  
SATU KAJIAN KES**

**KHIR ANUAR BIN JAAFAR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

10/03/2009

KHIR ANUAR JAAFAR  
M20041000007



Dengan perasaan penuh khusyuk dan rendah diri, puji pujian dan kesyukuran tidak terhingga dipersembahkan kehadiran Allah yang telah mengurniakan taufik dan hidayah serta daya kesungguhan kepada saya dalam menyempurnakan penulisan ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan khas ditujukan kepada penyelia projek ini iaitu En. Mohd Azam bin Sulong, pensyarah muzik di Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana jasa, usaha, teguran, tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan selama ini. Sejuta penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Prof Madya Ahmad Fuaad Dahalan dan En. Mahayuddin bin Abdul Rahim serta rakan rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan bantuan, sokongan, galakan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan penulisan ini. Begitu juga dengan segala khidmat, jasa dan sumbangan yang diberikan oleh mana mana pihak untuk menyiapkan penulisan ini, samada secara langsung atau tidak langsung, didoakan semoga akan diberkati, diberikan taufik dan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah (s.w.t). Mudah mudahan tugas ini merupakan satu kesinambungan penyebaran ilmu demi memartabatkan institusi pendidikan diperingkat sekolah khususnya, seterusnya di peringkat negeri dan negara amnya.

Kertas projek ini merupakan kajian terhadap kaedah pengajaran gum Pendidikan Muzik mengajar asas bermain rekoder di sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah dalam Daerah Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran ensembel rekoder dan minat pelajar terhadap pengajaran muzik amnya dan pengajaran ensembel rekoder khususnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang tertumpu kepada kaedah kajian kes sebagai teras utama kajian. Untuk mendapatkan data, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temubual dan analisa dokumen. Seramai empat orang guru pendidik muzik dan lapan orang pelajar telah dipilih sebagai responden. Selain itu kajian secara terus digunakan dimana pengkaji telah merakam sesi pengajaran dengan perakam video bagi tujuan simpanan. Seterusnya pengkaji membuat analisa data bagi mendapatkan maklumat penting yang diperlukan. Dapatan menunjukkan bahawa kaedah tunjukcara, syarahan, bersoal jawab dan kolaboratif telah digunakan dalam pengajaran yang dijalankan oleh responden. Pelajar pula didapati berminat terhadap ensembel rekoder dan matapelajaran muzik.

This project paper is report about the methods used by four music teachers to teach basic of recoder to student in Setapak District, Kuala Lumpur. This study used the qualitative approach which concentrate n case study as core of the research. Four teachers and eight students is resondance in this research. There were observation in classroom and interview of this four teachers using a questionnaire. The aims of this study were to identify the methods and techniques by these four teachers to teach ensemble recoder to their pupils, and find out whether the pupils were interested in the music classroom. Based of the study, it was clear that the teachers used several methods and teaching aids to teach this recoder based on their experience.



**Muka Surat**

|                               |     |
|-------------------------------|-----|
| PENAKUAN                      | ii  |
| PENGHARGAN                    | iii |
| ABSTRAK                       | iv  |
| ABSTRACT                      | v   |
| <b>BAB 1      PENDAHULUAN</b> |     |
| 1.1    Latar Belakang Kajian  | 1   |
| 1.2    Kurikulum Muzik KBSR   | 2   |
| 1.3    Permasalahan Kajian    | 5   |
| 1.4    Tujuan Kajian          | 6   |
| 1.5    Persoalan Kajian       | 6   |
| 1.6    Kepentingan Kajian     | 7   |
| 1.7    Definisi Istilah       | 7   |
| 1.7.1    Ensembel             | 8   |
| 1.7.2    Proses Pengajaran    | 8   |
| 1.8    Kaedah Pengajaran      | 9   |
| 1.9    Kesimpulan             | 10  |

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|         |                                           |    |
|---------|-------------------------------------------|----|
| 2.1     | Pendahuluan                               | 11 |
| 2.2     | Ensembl Rekoder Di Sekolah                | 11 |
| 2.3     | Kaedah Pengajaran                         | 14 |
| 2.3.1   | Kaedah Kaedah Pengajaran                  | 21 |
| 2.3.1.1 | Kaedah Pengaj aran Langsung               | 21 |
| 2.3.1.2 | Kaedah Bermain                            | 22 |
| 2.3.1.3 | Kaedah Syarahan                           | 22 |
| 2.3.1.4 | Kaedah Tunjukcara                         | 22 |
| 2.3.1.5 | Kaedah Menyoyal                           | 23 |
| 2.3.1.6 | Kaedah Kolaboratif                        | 24 |
| 2.4     | Faktor Faktor Yang Mempengaruhi Minat     | 25 |
| 2.4.1   | Faktor Dorongan Dari Individu Sendiri     | 25 |
| 2.4.2   | Faktor Motivasi Sosial                    | 26 |
| 2.4.3   | Faktor Emosional                          | 26 |
| 2.5     | Minat Pelajar Terhadap Pengajaran Rekoder | 27 |
| 2.6     | Kerangka Teori                            | 29 |
| 2.7     | Kesimpulan                                | 30 |

## BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

|         |                                   |    |
|---------|-----------------------------------|----|
| 3.1     | Pendahuluan                       | 31 |
| 3.2     | Reka Bentuk Kajian                | 31 |
| 3.3     | Responden                         | 32 |
| 3.4     | Kaedah Mendapatkan Data           | 34 |
| 3.4.1   | Pengumpulan Data                  | 35 |
| 3.4.1.1 | Pemerhatian                       | 35 |
| 3.4.1.2 | Temubual                          | 36 |
| 3.4.1.3 | Pengumpulan Dokumen               | 38 |
| 3.5     | Matrik Pengumpulan Data           | 38 |
| 3.6     | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data | 39 |
| 3.7     | Kaedah Trianggulasi               | 39 |
| 3.8     | Kaedah Menganalisa Data           | 40 |
| 3.9     | Kesimpulan                        | 40 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|       |                                            |    |
|-------|--------------------------------------------|----|
| 4.1   | Pendahuluan                                | 41 |
| 4.2   | Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru | 41 |
| 4.2.1 | Kaedah Tunjukcara                          | 42 |
| 4.2.2 | Kaedah Menyoal                             | 47 |

|       |                                            |    |
|-------|--------------------------------------------|----|
| 4.2.3 | Kaedah Kolaboratif                         | 49 |
| 4.2.4 | Kaedah Simulasi                            | 51 |
| 4.2.5 | Kaedah Perbincangan                        | 51 |
| 4.3   | Minat Pelajar Terhadap Matapelajaran Muzik | 52 |
| 4.3.1 | Dorongan Dari Dalam Individu Sendiri       | 53 |
| 4.3.2 | Motivasi Sosial                            | 54 |
| 4.3.3 | Emosi Diri                                 | 56 |
| 4.4   | Kesimpulan                                 | 59 |

## Bab 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

|     |                                      |    |
|-----|--------------------------------------|----|
| 5.1 | Pendahuluan                          | 60 |
| 5.2 | Rumusan                              | 60 |
| 5.3 | Cadangan                             | 65 |
| 5.4 | Implikasi Cadangan                   | 67 |
| 5.5 | Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjutan | 68 |
| 5.6 | Kesimpulan                           | 69 |

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

| Jadual     | Matrik | Pengumpulan | Data |    |
|------------|--------|-------------|------|----|
| Jadual 3.1 |        |             |      | 38 |



**SENARAI RAJAH**

| <b>Rajah</b> |                         |          |       |    |
|--------------|-------------------------|----------|-------|----|
| Rajah 2.1    | Gambarajah              | Kerangka | Teori | 29 |
| Rajah 2.2    | Gambarajah Trianggulasi |          |       | 39 |



## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan tentang unsur-unsur muzik, pelbagai genre muzik dan alat muzik. Pendidikan muzik juga akan memdedahkan murid kepada pengalaman muzik yang mudah. Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) merangkumi aspek bahasa muzik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif dan penghargaan estetik (Huraian Sukatan Pelajaran, 2002: v).

Pada Tahun 1979, jawatankuasa kabinet yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran telah mengambil keputusan untuk menjadikan pendidikan muzik sebagai satu mata pelajaran wajib yang menekankan kepada pembentukan kemahiran murid. Sebagai usaha merealisasikan matlamat ini, permainan alat muzik telah diajar di sekolah dan rekoder merupakan alat muzik yang difikirkan sesuai di perkenalkan di sekolah rendah di seluruh negara.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan alat muzik rekoder di semua sekolah rendah di seluruh negara sejak tahun 1983. Matlamat utama kurikulum muzik ini digubal ialah untuk memperkembangkan potensi dan kualiti individu dari segi nilai estetika muzik dan etika melalui pengalaman muzik.

Guru-guru yang ditugaskan mengajar muzik ini ialah guru-guru pengkhususan muzik lepasan Institusi-Institusi Perguruan. Kebanyakan guru muzik ini lebih terdedah kepada teknik pengajaran yang berasaskan latihan yang diperolehi semasa berkursus di Institusi Perguruan. Selain dari itu, guru-guru ini juga pernah mengikuti beberapa bengkel muzik tradisional dan moden termasuk bengkel rekoder. Selepas tamat latihan, mereka dikehendaki mengajar muzik rekoder di sekolah masing-masing. (Huraian Sukatan Pelajaran, 2002: vi).

## 1.2 Kurikulum Muzik KBSR

Objektif Pendidikan Muzik KBSR boleh dirumuskan kepada beberapa bahagian iaitu: (Huraian Sukatan Pelajaran, 2002: vi):

1. mengetahui dan memahami konsep unsur-unsur asas muzik dan terminologi muzik,
2. mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik,
3. membacakan menulis notasi muzik,
4. mengetahui dan memahami teknik menyanyi,
5. memperkembangkan kemahiran menyanyi dengan amalan teknik yang betul,
6. mengetahui dan memahami teknik bermain alat muzik,
7. memperkembangkan kemahiran bermain alat muzik dengan teknik yang betul
8. memperkembangkan ekspresi diri dan daya kreatif,

9. memperkembangkan daya penghargaan estetik terhadap karya dan persembahan muzik,

10. menghargai pelbagai jenis muzik serta budaya yang terdapat di Malaysia dan

11. mengamalkan nilai kerjasama dalam pasukan, sikap positif dan ingin mencuba.

Oleh yang demikian, kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Muzik KBSR disusun berdasarkan aspek-aspek berikut ((Huraian Sukatan Pelajaran, 2002: iv):

- i. Persepsi Estetik,
- ii. Pengalaman Muzikal,
- iii. Ekspresi Kreatif dan
- iv. Penghargaan Estetik.

Setiap aspek seterusnya diikuti dengan ceraiian aspek yang mengandungi faktor-faktor yang lebih spesifik sebagai tumpuan pengajaran dan pembelajaran. Susunan keempat-empat aspek tersebut bukanlah suatu hierarki yang tetap. Susunan sedemikian adalah semata-mata bagi kemudahan mengorganisasikan kandungan sukatan pelajaran. Dalam bidang permainan alat muzik pula, terdapat banyak latihan tentang asas asas bermain rekoder yang diajar untuk kanak-kanak di peringkat sekolah rendah Latihan rekoder ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti latihan benmsur pengetahuan, penghayatan dan kemahiran bermain alat.

Terdapat beberapa ciri cirl penting yang perlu diambil kira oleh guru sewaktu mengajar rekoder di sekolah. Pertamanya, latihan yang dipilih mestilah bersesuaian dengan tahap umur pelajar dan guru juga perlu memberikan sepenuh perhatian

terhadap pilihan latihan supaya ianya bersesuaian dengan kebolehan yang dimiliki oleh pelajar. Pilihan skor latihan haruslah menarik dan mudah dihafal dan irama yang mudah difahami.

Pendidik muzik harus mempunyai sifat-sifat muzikal seperti mempunyai kemahiran membaca skor dan boleh bermain alat muzik yang diajar serta berkebolehan bermain muzik iringan. Pendidik muzik juga mestilah berkebolehan mengawal kelas dengan baik dan menjadi pemudah cara kepada murid-murid yang dibimbingnya. Seorang guru yang baik juga dapat menimbulkan suasana keseronokan dan minat di kalangan murid dengan menyelitkan berbagai-bagai unsur seperti kecintaan.

Dengan perkembangan pendidikan muzik di sekolah ini, perkembangan muzik rekorder juga makin bertambah. Kajian ini akan bertumpu kepada kaedah pengajaran guru muzik mengajar ensembel rekorder di sekolah rendah terpilih serta ingin melihat sejauhmanakah minat pelajar terhadap subjek ini, khususnya terhadap permainan alat muzik rekoder yang akan ditumpukan kepada sebuah sekolah rendah di daerah Setapak, Kuala Lumpur.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini akan memberi fokus kepada kaedah pengajaran guru pendidik muzik yang mengajar ensembel rekoder di sekolah rendah dan sejauh manakah minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Pengajaran dengan kaedah yang berkesan akan menimbulkan minat dan suasana kelas yang memberangsangkan. Pendidikan Muzik tahap dua telah mula dilaksanakan pada tahun 1996 dengan tambahan dua kegiatan iaitu rekoder dan teori muzik. Sejak dari itu pengajaran dan pembelajaran rekoder di sekolah merupakan satu menjadi semakin menarik dan mencabar terutama kepada guru pendidikan muzik. Johami (1993) mengatakan kualiti pengajaran muzik menjadi kurang memuaskan kerana pengajar muzik yang terlibat tidak menerima latihan yang mencukupi. Untuk mengajar alat muzik rekoder memerlukan seseorang guru mahir memainkan alat ini dan kaedah pengajaran yang digunakan haruslah sesuai dan berkesan untuk menghasilkan mutu permainan rekoder yang baik.

Menurut Edward M. Anthony (1963), kaedah pengajaran ialah satu set andaian yang saling berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada itu, kaedah harus berlandaskan model, prinsip atau teori pembelajaran. Konsep pendekatan, kaedah, teknik dan strategi mempunyai kaitan antara satu sama lain dan saling lengkap melengkapi sehingga sukar untuk dibezakan antara satu dengan yang lain.

Walaupun bagaimanapun, konsep pendekatan, kaedah, teknik dan strategi mempunyai beberapa ciri tertentu. Pendekatan bermakna cara mendekati sesuatu. Pendekatan merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektifnya.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru pendidikan muzik dan minat pelajar terhadap mata pelajaran rekoder di sebuah sekolah rendah di Daerah Setapak, Kuala Lumpur.

#### 1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang dinyatakan di atas, persoalan kajian ini ialah untuk mengenalpasti dan merumuskan:

- L      Apakah kaedah pengajaran yang digunakan guru pendidikan muzik dalam pengajaran rekoder tahap dua di sebuah sekolah rendah di daerah Setapak, Kuala Lumpur?
2.      Sejauh manakah minat pelajar terhadap permainan rekoder di dalam kelas?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini di harap akan dapat membantu guru pendidikan muzik Mengetahui apakah kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan muzik di sekolah kajian dan dapat membantu guru pendidikan muzik yang lain dalam merancang kaedah pengajaran yang sesuai bagi mata pelajaran rekoder di sekolah rendah. Perancangan adalah merujuk kepada pelbagai aktiviti pengajaran yang menekankan cara perlaksanaan pelbagai kaedah pengajaran rekoder di sekolah rendah. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu khususnya yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan pengajaran muzik rekoder di sekolah rendah, Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merancang dan menyusun penempatan guru guru di sekolah. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru guru muzik untuk menilai kesediaan diri mereka sebelum sesuatu pengajaran dilaksanakan.

## 1.7 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini terdapat penggunaan beberapa istilah penting yang memerlukan kepada penjelasan terhadap definisinya. Antaranya ialah proses pengajaran dan ensembel rekoder.

### 1.7.1 Ensembel

Ia boleh didefinisikan sebagai gabungan pemuzik instrumental atau kumpulan vokal. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada ensemble rekoder. Neville H. Fletcher (1986), mengatakan ensembel adalah sebilangan pemuzik yang bermain muzik secara berkumpulan dan ianya dirujuk mengikut jumlah dan alat muzik yang digunakan. Misalnya duet, trio, quartet, sextet, septet, octet dan nonet. Duet bermaksud muzik dimainkan oleh dua orang pemuzik dan nonet pula bermaksud muzik dimainkan oleh sembilan orang pemuzik.

### 1.7.2 Proses Pengajaran

Ia merujuk kepada aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa kaedah dan teknik kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna. Ia juga boleh diistilahkan sebagai suatu sistem aktiviti-aktiviti yang dituju kepada pelajar dengan tujuan membawa perubahan di kalangan mereka. Menurut Ee Ah Meng (2003), pengajaran merupakan satu sistem aktiviti aktiviti yang ditujukan kepada pelajar dengan tujuan membawa perubahan perubahan kepada mereka. Perancangan ini akan melibatkan kaedah kaedah dan aktiviti aktiviti yang selaras dengan pencapaian objektifnya. Pengajaran mempunyai beberapa tujuan tertentu, diantaranya ialah perubahan tingkahlaku pelajar serta pencapaian objektifnya yang disediakan bagi sesuatu pengajaran.

Omardin Ashaari (1999), pula menyatakan bahawa pengajaran merupakan aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa kaedah dan teknik kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna. Mengikut Romiszowski (1998), dalam buku yang ditulis oleh Yusup Hashim mendefinisikan pengajaran sebagai suatu proses yang berorientasikan matlamat yang dirancang terlebih dahulu. Manakala bagi Heinich, Molenda dan Russell (1981), pengajaran merupakan penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran.

### 1.8 Kaedah Pengajaran

Definisi Kaedah Pengajaran mengikut Kamus Dewan bermaksud cara atau aturan (membuat sesuatu), hukum atau prinsip. Justeru itu, sesuatu kaedah terdiri daripada sesuatu siri tindakan yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu matlamat. Menurut Ee Ah Meng (2003), kaedah pengajaran sebenarnya ialah cara guru mengelolakan serta menggunakan teknik-teknik pengajaran, isi kandungan, alat pengajaran supaya objektif-objektif sesuatu pengajaran itu tercapai.

Abdul Rahim Abdul Rashid (1992) mentafsirkan kaedah pengajaran sebagai peringkat sesuatu teori pengajaran cuba dipraktikkan. Manakala menurut Yusup Hashim (1997) pula, kaedah menerangkan proses pengajaran (Romiszowski, 1988). Setiap kaedah pengajaran melibatkan perancangan langkah-langkah tertentu, alat-alat mengajar yang sesuai, bahan-bahan yang selaras dengan kebolehan pelajar dan aktiviti yang menarik serta berfaedah.

*"... kaedah pengajaran seharusnya dipilih dengan teliti untuk menjamin keberkesanan pengajaran-pembelajaran. Seseorang*

*guru yang baik sentiasa menghabiskan masa dan tenaga yang banyak untuk memilih dan mempertimbangkan kaedah yang paling sesuai untuk mencapai matlamat pembelajaran...."*  
(Ee Ah Meng, 2003, m.s : 46)

## 1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincang dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang masalah, permasalahan, persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat dan menilai kaedah dan proses pengajaran rekoder yang dijalankan oleh guru pendidikan muzik di sebuah sekolah rendah di Daerah Setapak. Kajian ini juga melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah tersebut yang terdiri daripada pelajar darjah empat untuk mengetahui sejauhmana minat mereka kepada matapelajaran muzik secara umumnya dan ensembel rekoder secara amnya bagi memenuhi tuntutan Mata Pelajaran Pendidikan Muzik, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

## TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Pendahuluan

Bab ini akan meninjau beberapa kajian lepas berkaitan dengan kaedah pengajaran dan minat yang telah dibuat oleh pengkaji- pengkaji terdahulu. Bab ini juga akan menunjukkan kerangka teori yang akan digunakan dalam kajian ini.

### 2.2 Ensembel Rekoder Di Sekolah

Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), telah diimplimentasikan di seluruh negara. Muzik tahap dua dilaksanakan pada tahun 1996 pengajaran dan pembelajaran rekoder di sekolah telah menjadi satu aktiviti dengan tambahan dua kegiatan iaitu rekoder dan teori muzik. Semenjak dari itu yang semakin menarik dan mencabar terutama kepada guru Pendidikan Muzik. Johami (1993), kualiti pengajaran muzik menjadi kurang memuaskan kerana tenaga pengajar muzik yang terlibat tidak menerima latihan yang mencukupi.

Untuk mengajar bermain alat muzik rekoder, seseorang guru itu perlulah mahir memainkan alat ini serta kaedah pengajaran yang digunakan haruslah sesuai dan berkesan bagi menghasilkan mutu permainan rekoder yang baik.

Pemilihan rekoder sebagai alat muzik utama dalam pengajaran ensemble muzik di sekolah ialah kerana ia sesuai serta mudah didapati. Menurut Roger Kamien (1992), rekoder ialah sejenis alat tiupan yang diperbuat daripada kayu atau plastik. Ia juga seperti flut, yang sudah lama digunakan di sekolah rendah kerana harganya yang murah dan agak mudah dipelajari. Keluarga rekoder terdiri daripada lima instrumen iaitu sopranino, soprano, alto, tenor dan bes. Pelbagai saiz ini mempunyai peranan yang berlainan. Di sekolah, penggunaan rekoder soprano dan alto lebih diutamakan.

Menurut Hj Abu Hassan Haji Ali (2000), penggunaan rekoder dalam aktiviti pembelajaran muzik di bilik darjah adalah bertujuan memberikan pengalaman muzikal secara *hand-on*. Pada masa yang sama pelajar mengukuhkan kefahaman bahasa muzik melalui pengalaman mereka.

## 23 Kaedah Pengajaran

Kaedah Pengajaran didefinisikan sebagai cara-cara yang digunakan oleh seseorang guru untuk menyampaikan pelajaran, pengetahuan dan pengalaman kepada murid. Setiap kaedah pengajaran melibatkan perancangan langkah-langkah yang tertentu, alat-alat mengajar yang sesuai, bahan-bahan yang selaras dengan kebolehan murid dan aktiviti-aktiviti yang menarik serta berfaedah.

Apabila dikatakan sesuatu kaedah pengajaran yang baik maka kebelakangan ini telah banyak reformasi mengenai pendidikan di negara kita telah dilakukan. Agenda-agenda reformasi meliputi profesionalisma guru yang tinggi, sekolah yang efektif, pengajaran yang berkesan serta pendidikan yang sama rata bagi semua pelajar. Ang Huat Bin (1999) menyatakan dalam 20 tahun kebelakangan ini, beberapa harapan pelajar terhadap guru telah timbul. Oleh itu guru diharapkan:

1. mengajar setiap pelajar apa yang dikatakan asas-asas pembelajaran,
2. memenuhi keperluan pelajar secara individu,
3. membina program masing masing dan dipertanggungjawabkan kepadanya,
4. mengendalikan pendidikan inklusif yang semakin popular.

Dalam hubungan ini guru hendaklah peka kepada perubahan disamping mengambil peluang-peluang yang ada pada mereka untuk membina dan menyusun teori serta amalan pengajaran. Ini bermakna guru hendaklah membentuk beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh memberi fleksibiliti kepada mereka bagi mencapai harapan bahawa semua pelajar akan berjaya.

Kamarudin Hj. Husin (1988), menyatakan tugas seorang guru ialah untuk memudahkan pembelajaran murid-murid, Untuk memenuhi tugas ini guru harus dapat menyediakan suasana pembelajaran yang sihat dan menarik tetapi juga harus berupaya memujudkan suasana pembelajaran yang menepati tujuan pembelajaran yang diinginkan. Ini bermakna guru harus mencipta keadaan bilik darjah yang merangsangkan minat murid-murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran.